



KENYATAAN MEDIA

Untuk Siaran Segera

PROGRAM KHAS PENGAKUAN SUKARELA

Sebagai usaha untuk meringankan beban rakyat, kerajaan telah mengumumkan Program Khas Pengakuan Sukarela (Pengakuan Sukarela) dalam pembentangan Bajet 2019. Program ini juga merupakan sebahagian daripada inisiatif kerajaan dalam melakukan reformasi percukaian bagi menggalakkan pembayar cukai tampil secara sukarela mengisytiharkan pendapatan dan seterusnya berupaya meningkatkan kutipan hasil untuk pembangunan negara.

Pengakuan sukarela ini boleh dibuat di mana-mana pejabat Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia di seluruh negara bermula pada 3 November 2018 dan akan berakhir pada 30 Jun 2019. Ia ditawarkan kepada semua kategori pembayar cukai di mana kadar penalti akan dikurangkan mengikut tempoh pengakuan sukarela dan bayaran cukai dibuat.

Melalui tawaran ini pembayar cukai akan dikenakan penalti yang lebih rendah iaitu antara 10% hingga 15% daripada amaun cukai yang kena dibayar berbanding kadar penalti yang lebih tinggi antara 80% hingga 300% selepas tempoh pengakuan sukarela tamat.

Kategori pembayar cukai, tempoh pengakuan sukarela dan kadar penalti yang ditawarkan adalah seperti berikut:

Kategori Pembayar Cukai	Tempoh Membuat Pengakuan Sukarela dan Kadar Penalti	
	3/11/2018 - 31/3/2019	1/4/2019 - 30/6/2019
Pembayar cukai yang belum berdaftar dengan LHDNM dan belum mengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) / Borang Nyata Petroleum (BNP) / Borang Nyata Cukai Keuntungan Harta Tanah (BNCKHT) bagi mana-mana tahun taksiran	10% (bayaran penuh cukai mesti dibuat sebelum atau pada 1/4/2019)	15% (bayaran penuh cukai mesti dibuat sebelum atau pada 30/6/2019)
Pembayar cukai yang sudah berdaftar dengan LHDNM tetapi masih belum mengemukakan BNCP / BNP / BNCKHT bagi mana-mana tahun taksiran		
Pembayar cukai yang sudah mengemukakan BNCP / BNP / BNCKHT tetapi tidak membuat perisytiharan cukai yang betul.		
Pembayar duti yang gagal membuat penyeteman suratcara dalam tempoh yang ditetapkan	10% atau minimum RM50	15% atau minimum RM100

Garis Panduan Operasi Bilangan 1 Tahun 2018 bertajuk Program Khas Pengakuan Sukarela Pelaporan Pendapatan / Keuntungan Pelupusan Aset / Penyeteman Surat Cara dan Peraturan Bayaran serta set soalan lazim berkaitan akan dimuat naik pada portal rasmi LHDNM di www.hasil.gov.my sebagai rujukan pembayar cukai.

Sebarang pertanyaan lanjut mengenai pengakuan sukarela ini boleh diajukan kepada Hasil Careline di talian 1-800-88-5436 atau 603-7713 6666 (Luar Negara) atau e-mel pengakuansukarela@hasil.gov.my.

#

Sekian, Terima Kasih



Dikeluarkan oleh:

Dato' Sri Sabin bin Samitah
Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri / Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

☎ : 03-8313 8888 samb. 21658 / 21674 / 21676 / 21668 | 📠 : 03-8313 7873
Hasil Care Line : 1-800-88-5436 (LHDN)
Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 2 November 2018